

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA
DI ALOR SETAR, KEDAH**

TUNTUTAN NO : TTPM-K-(P)-323-2011

M. JEIGANESH A/L P. MANIKAM - PIHAK YANG MENUNTUT
SUNLIGHT ID RENOVATION SDN BHD - PENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

TUNTUTAN PIHAK YANG MENUNTUT

Tuntutan Pihak Yang Menuntut (PYM) seperti yang dinyatakan di dalam Borang 1 adalah untuk RM25,200.00 (di mana dia bersedia untuk dihadkan kepada had bidang kuasa Tribunal ini sebanyak RM25,000.00 sahaja) sebagai kos yang dikatakan terlebih bayar kepada Penentang untuk kerja-kerja pengubahsuaian yang dijalankan oleh Penentang berbanding dengan kerja-kerja yang sebenarnya disediakan oleh Penentang.

PYM mendapatkan quotation daripada syarikat Penentang setelah melihat papan iklan yang besar di simpang suatu jalan besar di bandar. Atas dasar itu PYM beranggapan bahawa syarikat Penentang adalah kontraktor yang besar yang boleh memberi perkhidmatan dan kualiti kerja yang baik.

Quotation yang bertarikh 21 September 2010 untuk kerja-kerja ubahsuai rumah PYM yang dipersetujui adalah untuk RM127,850.00. Sebelum Penentang memberi quotation tersebut ia dikehendaki membayar deposit sejumlah RM500.00 pada 23 Ogos 2010 dan juga bayaran untuk permohonan kelulusan pelan sejumlah RM1,500.00 yang dibayar pada 15 September 2010.

Pada hari quotation dikeluarkan PYM telah membayar kepada Penentang sebanyak RM51,500.00. Secara lisan Penentang telah berjanji yang kerja-kerja akan siap pada 1 Januari 2011. Namun PYM tidak berpuas hati dengan progress kerja Penentang yang terlalu lambat. Kerja dimulakan pada 28 September 2010 dan Penentang hanya membawa 2 orang pekerja yang berumur dalam lingkungan 60 - 70 tahun. Salah seorang daripada pekerja tersebut merupakan seorang yang dalam keadaan cedera

dengan kaki yang patah dan bersimen. Bila PYM bertanya hal berkenaan, Penentang menjawab dengan mengatakan pekerja-pekerja Penentang tak ada masalah membuat kerja-kerja tersebut memandangkan mereka pekerja yang berpengalaman. Namun begitu, PYM lihat kerja-kerja mereka sememangnya lambat, malahan, mereka selalu bercuti.

Pada 9 Oktober 2010 PYM terkejut bila dia menerima saman dari Majlis Perbandaran (MPK) atas sebab membuat pengubahsuaian rumah tanpa plan yang diluluskan. Bila dia menghubungi Mr. Lee dari syarikat Penentang dia menyatakan "don't worry I settle semua". Dia kata plan dah lulus. PYM masih tidak berpuas hati dan merujuk kepada MPK dan dia diberitahu setakat 9 Oktober 2010 tidak ada permohonan untuk kelulusan plan untuk rumahnya walhal dia telah membayar Penentang pada 15 September 2010 dan merasa tertipu oleh tindakan Penentang.

Pada 30 Oktober 2010 seorang daripada pekerja Penentang telah tidak datang bekerja dengan alasan tidak dibayar gaji, dan dia pula merupakan pekerja yang in charge. Bila pekerja tersebut berhenti, maka, pekerja yang seorang lagi tidak boleh buat apa-apa kerja. Kerja-kerja terhenti selama 10 hari sehinggalah Mr. Lee dari syarikat Penentang membawa 6 orang pekerja warga Indonesia untuk sambung kerja. PYM juga diberitahu bahawa pekerja-pekerja warga Indonesia tersebut, semuanya mempunyai permit kerja. PYM berpendapat bahawa 6 orang pekerja warga Indonesia tersebut tidak mahir dan amat lambat dalam kerja-kerja mereka. Selepas 3 hari, 3 orang daripada mereka dihantar ke tapak kerja lain meninggalkan 3 orang sahaja yang membuat kerja-kerja di rumah PYM.

Pada 22 Disember 2010 PYM mendapat lagi satu kejutan apabila mendapati beberapa anggota polis berada di rumah PYM dan diberitahu bahawa kesemua pekerja warga Indonesia tersebut tidak mempunyai permit kerja. Dia juga diberi amaran oleh polis yang dia boleh didakwa berkenaan status pekerja-pekerja tersebut. Di samping itu juga, penyelia pekerja Mr. Lee telah melarikan diri semasa polis membuat serbuan. PYM merasa sungguh malu dan selepas 1 jam baru wakil Penentang datang dan berjanji akan mendapatkan pekerja lain dalam tempoh 3 hari. PYM juga telah membuat laporan polis terhadap Penentang.

PYM menyatakan beliau hilang sabar, lalu menghubungi Penentang. Penentang mengesahkan yang rumah PYM boleh disiapkan pada 1 Januari 2011. Atas pengesahan tersebut, PYM telah mencetak kad jemputan untuk Majlis Keagamaan dan House Warming pada 15 Januari 2011, walau bagaimanapun, majlis tersebut terpaksa dibatalkan.

Penentang pula meminta PYM membayar RM51,000.00 lagi tetapi PYM tidak berani nak membayar lagi sebab PYM merasakan yang pada masa itu kerja-kerja yang siap hanya dalam 20% -30% sahaja, walhal PYM telah membayar sehingga 40%. PYM merasa teraniaya dan membuat laporan polis.

PYM turut menyatakan bahawa semasa pekerja-pekerja Penentang mengambil peralatan pembinaan, barangan bahan bina seperti simen (36 beg), batu-bata, besi konkrit dan besi bumbung juga telah diambil dari tapak kerja, *(gambar-gambar dikemukakan). PYM berpendapat bahawa kesemua barangan yang tersebut di atas merupakan barangan kepunyaan PYM sebab PYM telah membuat pembayaran ke atasnya. Tambahan lagi, tapak kerja ditinggalkan dalam keadaan kotor dan bersepah. Malah, selepas itu, PYM turut mendapati kesukaran untuk mendapat kontraktor yang lain untuk menyiapkan kerja yang terbengkalai tersebut disebabkan Penentang telah memberitahu kontraktor yang lain bahawa kerja tersebut masih lagi di bawah kendalian syarikat Penentang.

Pada 11 Januari 2011, PYM telah mengupah sebuah syarikat QS berpengalaman dan bertauliah untuk menilai kerja-kerja yang telah dilakukan oleh Penentang. Syarikat QS tersebut menilaikan kerja-kerja yang telah dibuat oleh Penentang hanya bernilai RM25,800 dan untuk siapakan baki kerja akan mengambil masa 2-3 bulan lagi, *(laporan Cost Evaluation Report yang dibuat oleh SG Contract Services sebuah syarikat QS & Construction Cost Consultant dikemukakan).

Di atas dasar tersebut PYM menyatakan bahawa, setelah ditolak nilai kerja RM25,800 daripada RM51,000 yang telah dibayar kepada Penentang, PYM menuntut balik perbezaan jumlah yang tersebut sejumlah RM25,200.00 dan digenapkan kepada RM25,000.00 sahaja daripada Penentang.

PEMBELAAN PENENTANG

Pembelaan Penentang seperti yang dinyatakan dalam Borang 2 telah membantah tuduhan PYM dan menyatakan yang tuntutan PYM adalah tidak munasabah. Kerja-kerja pembinaan tersebut telah dihentikan kerana PYM telah enggan menjelaskan bayaran kedua. Apabila kerja-kerja pembinaan tersebut memasuki pada peringkat kedua, tetapi PYM kata akan bayar apabila sudah lengkap semua kerja-kerja pembinaan tersebut.

Pendekatan sebegini bukanlah sepertimana yang dipersetujui, dengan merujuk kepada syarat-syarat yang tertera pada quotation iaitu: -

40% - deposit semasa pengesahan *quotation*

40% - pada permulaan kerja

10% - setelah habis semua kerja-kerja

10% - 3 bulan setelah siap semua kerja-kerja.

Setakat 22 Disember 2010 peratusan kerja mengikut kerja-kerja yang disenaraikan oleh Penentang peratusan siap adalah diantara 30% - 90% dan jumlah harga mengikut peratusan siap adalah RM71,967.50 dan setelah mengambil kira RM51,500.00 baki sebanyak RM20,467.50 masih terhutang oleh PYM.

Justeru, Penentang juga turut membuat tuntutan balas sejumlah RM71,967.50

ALASAN KEPUTUSAN

- (a) Daripada kenyataan bertulis dan juga keterangan lisan daripada kedua-dua pihak adalah tidak dinafikan bahawa Penentang telah gagal untuk menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian rumah PYM dalam tempoh masa yang dijanjikan iaitu pada 1 Januari 2011. *Quotation* kerja bertarikh 21 September 2010 dan bayaran oleh PYM untuk RM51,500.00 telah dibuat pada hari yang sama. Kerja dimulakan pada 28 September 2010 dan Penentang pula tidak pernah menafikan kenyataan PYM yang ada perjanjian lisan yang kerja-kerja akan siap pada 1 Januari 2011. Oleh sebab kerja-kerja tersebut tidak disiapkan dalam tempoh yang dijanjikan, adalah jelas Penentang telah melanggar perjanjiannya dengan PYM. Di samping itu juga, menurut Seksyen 53 Akta Pelindungan Pengguna 1999, jika perkhidmatan yang dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa perkhidmatan itu akan dijalankan dengan ketelitian dan kemahiran yang munasabah. Penentang jelas telah melanggar peruntukan ini dengan memulakan kerja tanpa pelan yang telah diluluskan dan juga telah menggunakan pekerja-pekerja yang tidak mempunyai permit kerja. Ini boleh memudaratkan PYM di mana PYM sebagai tuan punya rumah boleh didakwa di mahkamah atas kesalahan-kesalahan tersebut.

- (b) Isu Penentang berkenaan pembayaran tidak mengikut apa yang dijadualkan dalam quotation tidak menjadi isu apabila pihak Penentang meneruskan kerja-kerja tersebut walaupun pembayaran kedua tidak dibayar oleh PYM. Ini bermakna Penentang telah mengetepikan haknya waived its right untuk menamatkan kontrak dan dari itu patut meneruskan kerja-kerja sehingga siap.
- (c) Isu yang boleh dipertikaikan hanyalah terhadap peratusan kerja yang telah disiapkan. Peratusan kerja yang siap sepertimana dinyatakan oleh Penentang adalah di antara 30% - 90%. Ini hanya disokong oleh senarai yang dilampirkan dalam Borang 2 dan juga kenyataan lisan wakil Penentang sahaja. Sebaliknya, bagi PYM menyatakan peratusan siap adalah 20% sahaja. Selain daripada keterangan lisan, tuntutan PYM disokong oleh pembuktian bertulis, satu daripadanya adalah Laporan Penilaian Kos Cost Evaluation Report oleh syarikat SG Contract Service yang merupakan Quantity Surveyor & Construction Cost Consultant yang berdaftar dan bertauliah. Kenyataan Penentang tanpa apa-apa sokongan lain, bercanggah dengan Laporan Quantity Surveyor tersebut berhubung dengan peratusan kerja-kerja pengubahsuaian yang telah disiapkan.
- (d) Setelah diteliti, Tribunal mendapati bahawa Laporan Quantity Surveyor tersebut memberi kenyataan yang terperinci berkenaan dengan pecahan kos dan gambar-gambar kerja-kerja yang telah disiapkan. Atas dasar tersebut, kenyataan di dalam Laporan Quantity Surveyor tersebut yang menyatakan anggaran kos terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Penentang hanya pada nilai RM25,800.00 sahaja adalah diterima oleh Tribunal ini.
- (e) Dari itu tuntutan PYM untuk pemulangan sebanyak RM25,000.00 daripada RM51,500.00 yang telah dibayar kepada Penentang adalah dibenarkan. Berkenaan dengan tuntutan balas dari Penentang untuk RM71,967.50, selain daripada kenyataan bertulis dalam Borang 2 berkenaan, kos yang dikatakan telah dibelanjakan oleh Penentang, tidak ada apa bukti sokongan terhadap jumlah tersebut. Jumlah yang diminta juga di luar bidang kuasa Tribunal yang hanya boleh membuat perintah setakat RM25,000.00 sahaja. Atas alasan itu, tuntutan balas Penentang adalah di tolak.

AWARD BORANG 10

1. Penentang hendaklah membayar balik kepada PYM RM25,000.00 dalam tempoh 14 hari dari tarikh serahan Award.
2. Tuntutan balas Penentang adalah ditolak.

MAZNAH BINTI HARON
PRESIDEN
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA.

Tarikh: 17 November 2011

